

# UPM bantu lahir usahawan ternakan kambing

**Serdang:** Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membantu pengusaha ternakan kambing di Mukim Batu Talam, Raub, Pahang menjadi usahawan selepas mendapat pendedahan dan bimbingan pusat itu sejak tahun 2011.

Bukan sekadar kambing, sudah ada antara penguasa itu berjaya mempelbagaikan jenis ternakan termasuk lembu serta ayam kampung sekali gus memberi peluang mereka menjana pendapatan lumayan.

Pengarah UCTC, Prof Madya Dr Hawa ZE Jaafar, berkata UCTC menerusi Program Pengembupayaan Komuniti Penternak Kambing,

UCTC membawa pakar ke Raub untuk membangunkan bidang penternakan kambing menggunakan dana Program Pemindahan Kepakaran.

“Pada peringkat awal, penternak terbabit tiada ilmu dan kemahiran dalam bidang penternakan kambing. Justeru, kami mengendalikan latihan kemahiran, demonstrasi serta membawa mereka meninjau kawasan ternakan sedia ada.

## Jumlah penternak meningkat

“Bermula dengan hanya tujuh penternak kambing di kawasan berkenaan, kini bilangannya meningkat kepada 30 penternak. Daripada jumlah itu, dianggarkan 15 orang ialah penternak aktif dengan

tiga daripadanya sudah menunjukkan ciri-ciri usahawan berjaya,” katanya.

Dr Hawa berkata, UCTC UPM berhasrat menjadikan Raub sebagai Zon Pengeluaran Ternakan dan berharap projek sama dapat dilaksanakan di daerah lain pada masa akan datang.

“UCTC ditubuhkan pada tahun 2013 dan dahulu dikenali sebagai Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC).

“Penubuhannya bermalamat menjadi pusat rujukan transformasi komuniti, khusus untuk pembangunan dan pemantapan pertanian, industri asas tani, dan sumber biologi pada peringkat negara serta antarabangsa,” katanya.



Pakar UPM membantu penternak mendapatkan ilmu dalam mengusahakan ternakan kambing.